

## Keluasan rizab tanah Melayu di Pahang 436,910.47 hektar

---

BERNAMA



Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail

Kuantan: Jumlah keseluruhan keluasan tanah rizab Melayu (TRM) di Pahang yang diwartakan di bawah Enakmen Rizab Melayu (ERM) adalah seluas 436,910.47 hektar setakat 25 Februari lalu, kata Menteri Besar Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail.

Beliau berkata, TRM yang strategik dan berpotensi terutamanya dari sudut ekonomi akan dibangunkan mengikut kesesuaian dan keperluan khususnya untuk masyarakat Melayu setempat.

Menurutnya, antara pendekatan dilakukan adalah melaksanakan pembangunan Skim Tanah Rakyat (STR) di mana adalah satu bentuk pembangunan berkonsepkan Rancangan Tanah Kelompok (RTK).

Katanya, TRM yang dibangunkan menerusi pendekatan ini adalah sama ada dijadikan lot kediaman atau diusahakan dengan aktiviti pertanian dengan objektif untuk meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat Melayu.

"Melalui inisiatif ini juga kerajaan negeri dapat memanfaatkan strategi serampang dua mata yang mana sesebuah kawasan TRM bukan sahaja dibangunkan, malah keluasan sedia ada turut dapat ditingkatkan.

"Sejumlah 7,814.37 hektar keluasan kawasan TRM telah dapat ditambah daripada jumlah keseluruhan kawasan TRM sedia ada menerusi pelaksanaan STR.

"Selain itu,TRM turut dibangunkan bagi projek perumahan untuk memudah cara pemilikan rumah dalam kalangan masyarakat Melayu," katanya.

Wan Rosdy berkata demikian pada Sidang Dewan Undangan Negeri (Dun) Pahang di Wisma Sri Pahang, di sini, hari ini.

Beliau menjawab soalan Datuk Mustapa Long (BN-Padang Tengku) yang ingin tahu jumlah TRM terkini dan perancangan kerajaan negeri untuk membangunkan kawasan berkenaan.

**Disiarkan pada: Mac 30, 2022 @ 12:13pm**